

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.3, NO.6, NO.10 HINGGA NO. 75 )**

**( JAWAPAN NO.2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO.54 )**

1 April 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**



SOALAN NO: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH: 1 APRIL 2015

SOALAN:

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah/sedang/akan diambil oleh Kementerian terhadap syarikat swasta yang mengamalkan pelbagai diskriminasi kaum seperti daripada segi pengambilan, gaji permulaan, kenaikan pangkat dan sebagainya, sepertimana yang dilaporkan dalam kajian-kajian oleh akademik UM dan UKM.

PR-1331-L66129

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, isu diskriminasi kaum di sektor pekerjaan merupakan suatu isu yang subjektif. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengambil maklum berhubung perkara ini. Walaubagaimanapun, pada masa ini KSM belum mempunyai garis panduan atau

mekanisme khusus dalam memastikan perkara ini dapat diatasi sepenuhnya. Namun perkara ini tetap diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak Kementerian dan Jabatan.

2. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara ini tidak berleluasa di tempat pekerjaan, JTKSM sentiasa memantau dan menjalankan siasatan terutamanya terhadap kes-kes aduan berkaitan diskriminasi kaum yang diterima daripada pihak pekerja. Di samping itu, pemantauan juga boleh dilakukan melalui pemeriksaan-pemeriksaan berkanun yang dijalankan di premis-premis majikan dari semasa ke semasa.

3. Langkah-langkah pemantauan yang berterusan adalah penting bertujuan memastikan majikan-majikan berkenaan tidak mengamalkan sebarang bentuk diskriminasi yang berunsur kaum di kalangan pekerja-pekerja mereka di tempat pekerjaan. Ini juga dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di tempat pekerjaan.

4. Sekiranya terdapat majikan-majikan yang melaksanakan diskriminasi kaum di tempat pekerjaan, maka JTK bertanggungjawab untuk menasihati para majikan untuk memberikan hak dan layanan yang sama terutamanya berkaitan isu pengambilan pekerja, gaji permulaan, kenaikan pangkat dan sebagainya.

5. Sebagai contoh, setiap penilaian prestasi kerja yang hendak dibuat ke atas seorang pekerja hendaklah dilaksanakan secara adil

dan saksama tanpa mengira kaum atau kedudukan bagi memelihara keharmonian perusahaan di tempat pekerjaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 1.4.2015**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) justifikasi projek pembinaan Institut Aminuddin Baki di Bandar Enstek, Negeri Sembilan dianugerahkan kepada Global Globe Sdn. Bhd. secara rundingan terus; dan
- (b) senarai serta proses lantikan syarikat-syarikat yang dipilih untuk membaiki kelemahan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Institut Aminuddin Baki (IAB) Bandar Enstek menggunakan struktur IBS. Global Globe merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman dalam pembinaan IBS. Memandangkan Global Globe mempunyai kepakaran dalam bidang IBS, maka syarikat ini dilantik secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan projek berkenaan.
- (b) Proses sebut harga telah dilaksanakan, namun semua syarikat yang menyertai sebut harga berkenaan telah gagal memenuhi keperluan

---

sebut harga. Selain itu, kontraktor utama melalui surat mereka menyatakan kesanggupan mereka menyiapkan semua baki kerja kecacatan.

RJM92

**SOALAN NO. : 10**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin  
[ Sepang ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah preventif yang akan dan telah diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah banjir di negara ini apabila diramalkan oleh pakar bahawa banjir buruk akan lebih kerap berlaku di negara ini hasil fenomena Madden-Julian Oscillation (MJO) yang mengakibatkan peningkatan hujan yang ekstrem**



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sentiasa mengambil langkah pencegahan (*preventive*) terhadap struktur binaan bagi tujuan penerimaan air larian banyak.

JPS sentiasa membuat kajian dan penilaian terhadap struktur-struktur Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sedia ada dan perancangan di masa hadapan. JPS juga sentiasa menjalankan ramalan banjir dan mempertingkatkan sistem ramalan banjir di seluruh Malaysia dalam usaha persiapan awal menghadapi bencana banjir. JPS melalui kajian-kajian yang dijalankan telah memperkenalkan Pengurusan Lembangan Sungai secara Bersepadu (IRBM) sebagai asas dalam perancangan dan pengurusan lembangan sungai di Malaysia.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG**  
**[KANOWIT]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Malaysia sudah digelar sebagai negara yang mempunyai jumlah rakyat obese tertinggi di dunia. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Rakyat Malaysia sememangnya terdedah kepada obesiti kerana gaya hidup rakyat Malaysia itu sendiri. Punca utama obesiti adalah amalan pemakanan yang tidak sihat dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Sebahagian besar kita makan lebih dari empat kali sehari – sarapan pagi, minum pagi, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan yang paling buruk, makan lewat malam. Kerana budaya suka makan, restoran dan kedai makan 24 jam wujud di kebanyakan bandar. Budaya pemakanan kita juga tinggi dengan kalori, berminyak tetapi kurang pengambilan sayur. Kalau suka makan tapi juga aktif secara fizikal bagi

membakar kalori tak jadi masalah. Malangnya rakyat Malaysia juga tidak aktif secara fizikal.

Oleh itu tumpuan KKM ialah mendidik masyarakat mengenai pemakanan yang sihat, gaya hidup aktif dan mengimbangi pemakanan dengan aktiviti fizikal melalui kempen-kempen pemakanan, gaya hidup sihat, 10,000 langkah dan sebagainya. Sasaran program dan aktiviti adalah sepanjang hayat iaitu dari dalam kandungan lagi sehingga dewasa. Pencegahan awal bermula dari bayi dalam kandungan lagi melalui aktiviti pendidikan pemakanan kepada ibu hamil, penekanan tentang penyusuan susu ibu yang berperanan dalam pencegahan obesiti bagi kedua-dua ibu dan bayi, kepada murid-murid sekolah dan remaja melalui pelaksanaan Kantin dan Kafeteria Sihat dan penyediaan hidangan sihat di Kem Program Latihan Khidmat Negara. Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan diperkasa bagi menangani masalah obesiti di kalangan murid dan ibubapa melalui pemakanan sihat di sekolah dan di rumah.

Kempen gaya hidup sihat juga diketengahkan melalui karnival-karnival kesihatan anjuran KKM dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. KKM gembira kerana aktiviti 10,000 langkah dan aktiviti fizikal lain seperti berbasikal, sudah menjadi acara rutin dalam kebanyakan majlis-majlis keramaian Kerajaan dan swasta.

KKM juga sedang giat memperkasakan masyarakat di peringkat akar umbi melalui inisiatif "Komuniti Sihat, Perkasa Negara" atau KOSPEN. Dengan kerjasama KEMAS, FELDA dan Rukun Tetangga, Program ini bertujuan memperkasa lebih ramai rakyat Malaysia dalam penjagaan sendiri bagi mengurangkan risiko obesiti dan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

KKM juga sedang mengadakan rundingan secara berterusan dengan pihak industri bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan minuman yang lebih sihat di pasaran.

Tingkah laku pemakanan dan gaya hidup fizikal masyarakat amat dipengaruhi oleh persekitaran hidup, yang dipengaruhi oleh dasar dan perancangan pelbagai Kementerian dan agensi selain KKM. Oleh itu menanggapi obesiti dan NCD adalah tanggungjawab semua agensi yang diselaraskan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyakit Tidak Ber